



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwpkb.gov.my](http://www.kwpkb.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### PROGRAM ZIARAH KESEJAHTERAAN BANDAR DI KANGAR, PERLIS

**KANGAR, 16 Mac 2012** – Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar mengadakan Program Ziarah Kesejahteraan Bandar di bawah Program Kemiskinan Bandar (PKB) di sini hari ini. Program ini disempurnakan oleh YB Datuk M. Saravanan, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

2. PKB telah dilaksanakan oleh KWPKB bermula pada 1 Januari 2010 sehingga kini. Ini merupakan inisiatif murni pihak kerajaan dalam membasmi kemiskinan di kawasan bandar dan meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat miskin di seluruh negara. PKB memberi tumpuan kepada keluarga miskin di kawasan bandar yang berdaftar di bawah sistem eKasih dengan pendapatan isi rumah bulanan kurang daripada pendapatan garis kemiskinan (PGK).

Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang diguna pakai kini dan status kemiskinan bandar yang berdaftar di bawah sistem eKasih adalah seperti di **Lampiran 1**.

3. Sempena program ini, YB. Datuk M. Saravanan, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar menyampaikan (**Lampiran 2**):

- i. Bantuan baik pulih rumah kepada **5** orang ketua isi rumah yang bernilai **RM10,000.00 bagi setiap rumah**;
- ii. Bantuan Peralatan Perniagaan kepada **5** orang ketua isi rumah yang bernilai **RM1,000.00 setiap seorang**;
- iii. Bantuan peralatan kesihatan kepada **3** penerima yang bernilai **RM700.00 setiap seorang**; dan
- iv. Bantuan bakul makanan bernilai **RM50.00** dan sumbangan tunai bernilai **RM150.00** sekeluarga kepada **5** buah keluarga yang terpilih.

4. Sempena program ini, YB Datuk M. Saravanan turut merasmikan **Terminal Sejahtera**, iaitu pusat pembelajaran kendiri di luar waktu sekolah yang disediakan untuk pelajar-pelajar dari keluarga miskin dan berpendapatan rendah. Terminal Sejahtera yang dibangunkan di Tingkat 4, Kompleks Bazar Jejawi dilengkapi dengan 40 unit komputer dan bilik belajar yang kondusif. Dengan adanya Terminal Sejahtera ini, pelajar-pelajar dari keluarga miskin dan berpendapatan rendah berpeluang mengulangkaji pelajaran melalui kemudahan tuisyen secara *online*.

5. Dalam majlis yang sama juga, YB Timbalan Menteri turut meninjau sendiri kehidupan golongan miskin di kawasan bandar ini dengan menziarahi rumah mereka. Sebanyak 5 buah rumah yang terpilih dalam sesi lawatan ini akan menerima bantuan makanan harian dan sumbangan wang tunai.

6. Melalui program ini, golongan miskin bandar yang menerima bantuan baik pulih rumah berpeluang membaiki rumah mereka supaya lebih selesa untuk didiami. Manakala bantuan peralatan perniagaan yang diberikan dapat membantu meningkatkan taraf hidup mereka dengan menjalankan perniagaan kecil-kecilan bagi meningkatkan sumber pendapatan harian mereka. Pemberian bantuan peralatan kesihatan juga turut meringankan beban keluarga yang menjaga ibu bapa atau anak-anak mereka yang menghidap penyakit kronik. Bantuan yang diberikan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar ini akan dapat membantu keluarga miskin untuk meringankan beban dalam menjalani kehidupan sehari-hari seterusnya keluar daripada kepompong kemiskinan.

7. Secara keseluruhannya, program-program kesejahteraan bandar yang dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar telah dilaksanakan di beberapa buah negeri seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak seperti di **Lampiran 3**. Ini adalah untuk memastikan setiap warga miskin bandar berpeluang menjalani kehidupan yang lebih kondusif serta menjamin kesejahteraan hidup mereka yang seterusnya dapat meningkatkan kualiti hidup masyarakat di bandar.

Disediakan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT  
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

16 Mac 2012  
KANGAR, PERLIS

**PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN (PGK) BANDAR**

<b>KAWASAN</b>	<b>MISKIN TEGAR</b>	<b>MISKIN</b>	<b>MUDAH MISKIN</b>	<b>BERPENDAPATAN RENDAH (B40%)</b>
	Isi Rumah (RM)	Isi Rumah (RM)	Isi Rumah (RM)	Isi Rumah (RM)
Semenanjung Malaysia	450	770	<1,440	Pendapatan antara 1,441.00 hingga 2,300.00
Sabah/Labuan	590	1,020	-sama-	-sama-
Sarawak	600	940	-sama-	-sama-

Status kemiskinan bandar yang berdaftar di bawah eKasih pada 9 Mac 2012 menunjukkan bilangan isi rumah miskin tegar ialah 12,460 di mana **Negeri Sarawak, Sabah, Kelantan dan Selangor** mencatatkan bilangan golongan miskin tegar yang ramai. Bilangan lengkap Ketua Isi Rumah (KIR) kemiskinan bandar adalah seperti senarai berikut :

<b>Negeri</b>	<b>Miskin tegar</b>	<b>Miskin</b>	<b>Mudah Miskin</b>
Johor	304	1711	2678
Kedah	254	901	1596
Kelantan	1799	5295	4327
Melaka	273	1657	1455
Negeri Sembilan	403	1305	1925
Pahang	158	1028	2935
Perak	550	1713	1969
Perlis	288	1243	912
Pulau Pinang	323	2296	5240
Sabah	2742	4384	2481
Sarawak	3247	5619	3166
Selangor	1013	2500	5323
Terengganu	669	5597	9493
WP Kuala Lumpur	319	1788	3236
WP Labuan	118	499	556
WP Putrajaya	-	11	18
<b>Jumlah</b>	<b>12,460</b>	<b>37,547</b>	<b>47,310</b>

**RINGKASAN BANTUAN PROGRAM ZIARAH KESEJAHTERAAN BANDAR  
DI KANGAR, PERLIS**

BIL	JENIS BANTUAN	BIL. PENERIMA	RM (SEORANG)	JUMLAH (RM)
1	Bantuan baik pulih rumah	5	RM 10,000.00	RM 50,000.00
2	Bantuan Peralatan Perniagaan	5	RM 1,000.00	RM 5,000.00
3	Bantuan peralatan kesihatan	3	RM 700.00	RM 2,100.00
4	Bantuan bakul makanan (RM50.00) dan sumbangan wang tunai (RM150.00)	5	RM 200.00	RM 1,000.00
<b>JUMLAH</b>				<b>RM 58,100.00</b>

**SENARAI PROGRAM KEMISKINAN BANDAR YANG TELAH DIADAKAN PADA  
TAHUN 2010, 2011 DAN 2012**

- Program Bantuan Kesejahteraan Bandar Golongan Miskin dan Miskin Tegar di Hulu Selangor (21 April 2010)
- Program Bantuan Kesejahteraan Bandar Golongan Miskin dan Miskin Tegar di Sibu (14 Mei 2010)
- Majlis Penyerahan Bantuan Sewa Rumah Untuk Golongan Miskin dan Miskin Tegar Bandar di Bandar Negeri Melaka (12 Jun 2010)
- Majlis Penyerahan Bantuan Sewa Rumah Untuk Golongan Miskin dan Miskin Tegar Bandar di Bandar Johor Bahru (16 Jun 2010)
- Program Bantuan Kesejahteraan Bandar Golongan Miskin dan Miskin Tegar Parlimen Johor Bahru (30 Julai 2010)
- Program Bantuan Rumah Dan Sumbangan Aidiladha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar di Langkawi (16 November 2010)
- Program Kesejahteraan Bandar di Labis, Johor (16 Januari 2011)
- Program Bantuan Kesejahteraan Bandar di Bandar Muadzam Shah, Kedah (24 Januari 2011)
- Majlis Penyerahan Program Bantuan Kesejahteraan Bandar di Merlimau, Melaka (25 Februari 2011)
- Program Bantuan Kesejahteraan Bandar di Sandakan, Sabah (28 Mac 2011)
- Program Bantuan Kesejahteraan Bandar di Miri, Sarawak (5 April 2011)
- Program Bantuan Kesejahteraan Bandar di Kuching, Sarawak (9 April 2011)
- Program Bantuan Kesejahteraan Bandar di Sibu, Sarawak (13 April 2011)
- Program Ziarah Kesejahteraan Bandar di Batu Gajah, Perak ( 25 Jun 2011)
- Program Ziarah Kesejahteraan Bandar di Muar, Johor ( 26 Julai 2011)
- Program Ziarah Kesejahteraan Bandar di Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang (30 September 2011)
- Program Ziarah Kesejahteraan Bandar di Rembau, Negeri Sembilan (8 Oktober 2011)
- Program Ziarah Kesejahteraan Bandar di Tapah, Perak (10 Disember 2011)
- Majlis Perasmian Terminal Sejahtera Taman Seri Sentosa, Kuala Lumpur (22 Disember 2011)
- Majlis Perasmian Terminal Sejahtera Kg. Sg. Baru, Kampong Bharu, Kuala Lumpur (21 Februari 2012)
- Program Ziarah Kesejahteraan Bandar di Bentong, Pahang (27 Februari 2012)
- Program Ziarah Kesejahteraan Bandar di Kangar, Perlis (16 Mac 2012)